

TEACH FOR MALAYSIA

Laporan Impak 2023



Kandungan

4	Kata Alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif
6	Pelaksanaan Impak
24	Impak Kolektif
49	Agenda Kajian
51	Ahli Lembaga Pemegang Amanah
54	Rakan Kerjasama dan Penyokong
58	Laporan Kewangan
59	Cara-cara untuk Menyumbang

Pendahuluan

Ada suara yang didengari, ada suara yang dipinggirkan, dan ada juga yang langsung tidak dapat bersuara. Itulah realitinya apabila kita bercakap tentang isu ketidaksamaan. Disebabkan hal ini, kami **komited untuk mendengar** suara komuniti agar usaha kami lebih terpandu.

Laporan ini menampilkan sorotan utama dan aktiviti Teach For Malaysia sepanjang tahun 2023, yang kami gelarkan sebagai **tahun kami mendengar**, dalam usaha kami mengupayakan anak-anak Malaysia agar berpeluang untuk merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.



Kata Alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif

**Chan
Soon Seng**

-
Ketua Pegawai Eksekutif
Teach For Malaysia
Kohort 2012
Alumni TFM



Saya berbesar hati untuk membentangkan kepada anda Laporan Impak Teach For Malaysia 2023, yang memberikan gambaran keseluruhan tentang impak kolektif yang dihasilkan oleh Felo TFM kami, guru Program Duta Guru (PDG), pelajar dan pemimpin komuniti, sukarelawan, kakitangan, dan Alumni TFM. Laporan ini adalah gambaran ringkas dan juga satu pencapaian di atas usaha gigih mereka serta komitmen berterusan untuk menamatkan ketidaksamaan pendidikan.

Kesan daripada pandemik COVID-19 terus menambah kecinciran dalam pembelajaran dan meningkatkan jurang pendidikan yang sedia ada. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil penilaian PISA 2022, penilaian antarabangsa terbesar di dunia mengenai keberhasilan pelajar. Ia mendedahkan penurunan yang mendadak dalam penilaian yang dibuat, dengan lebih ramai pelajar yang menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap kecekapan minimum dalam mata pelajaran yang dinilai. Status sosioekonomi terus menjadi penentu prestasi pelajar. Oleh itu, usaha untuk pemulihan pembelajaran yang adil lebih penting daripada tahun-tahun sebelumnya.

Melihat kembali tahun yang lalu, saya teruja dengan komitmen yang ditunjukkan oleh pelbagai individu yang saya berpeluang bertemu dan bekerjasama ketika kami bersama-sama komuniti yang mana kami boleh melakukan perubahan terbesar. Dalam kami meraikan kejayaan dan pencapaian yang telah dicapai, kami juga mengakui bahawa masih banyak yang perlu diperbaiki.

Pada tahun 2023, kami mengalau-alukan penyertaan Felo TFM Kohort Ke-11 (kohort kedua sebagai Rakan Guru) dan membawa kembali Program TFM ke Sarawak. Kami juga komited untuk mengetengahkan suara Orang Asal dalam usaha kami menyelaras dan menyesuaikan program-program kami untuk komuniti Orang Asli. Semasa Minggu TFM, Felo TFM kami telah menjemput peneraju industri, selebriti, dan pempengaruh ke bilik darjah mereka dan peluang ini membolehkan mereka berkongsi misi kami

dan menambah bilangan penyokong utama untuk kesaksamaan pendidikan.

Program Duta Guru (PDG) dengan kerjasama Yayasan PETRONAS terus memperkuuh keupayaan guru STEM untuk menjadi contoh dalam pendidikan STEM dan menyampaikan pengalaman pendidikan STEM berkualiti tinggi bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Simposium Kebangsaan PDG tahun ini telah mengumpul lebih daripada 800 peserta sebagai ahli panel, penyampai dan peserta, dan komuniti yang berkembang pesat ini akan terus meningkat dengan penambahan kohort pada masa hadapan.

Di Teach For Malaysia, kami amat percaya kepada kuasa transformasi pendidikan dan kepentingan kepimpinan kolektif. Kami terus melangkah ke hadapan berpandukan Pelan Aspirasi 2030 untuk membina sebuah gerakan yang terdiri daripada 30,000 pemimpin menjelang tahun 2030. Hal ini telah mendorong kami untuk meningkatkan impak secara drastik supaya kami terus berada di landasan yang betul bagi merealisasikan visi kami yang mana semua kanak-kanak di Malaysia akan mempunyai peluang untuk merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.


Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada rakan kongsi dan penyokong kami yang berdedikasi dari sektor swasta dan awam dalam memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi untuk kami menyampaikan impak yang bermakna.

Terima kasih.

Pelaksanaan Impak



Visi dan Misi




Setiap kanak-kanak, tanpa mengira latar belakang, berhak menjalani kehidupan yang mereka benar-benar diimpikan. Kami percaya bahawa pendidikan berkualiti adalah cara yang terbaik untuk mereka mencapainya. Bagi memastikan perkara ini dapat dicapai, kita memerlukan pemimpin yang komited untuk mengubah sistem pendidikan supaya setiap kanak-kanak menerima pendidikan berkualiti tinggi.

Visi

Suatu hari nanti, setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti.

Misi



Demi melahirkan barisan pemimpin dalam ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia untuk mencapai potensi mereka.

Latar Belakang

TFM adalah sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan yang berusaha ke arah masa depan yang mana semua kanak-kanak di Malaysia akan mempunyai peluang untuk merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti. Kami bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam ekosistem pendidikan untuk mencipta transformasi pendidikan jangka pendek dan jangka panjang melalui pembangunan dan gerakan pemimpin dari pelbagai latar belakang.

Diasaskan pada tahun 2010, Teach For Malaysia (TFM) adalah ahli Organisasi Pendidikan Antarabangsa Teach For All, sebuah pertubuhan pendidikan di 62 buah negara seluruh dunia.



Nilai Teras

Sikap Pasti Boleh

Kami menetapkan sasaran yang tinggi untuk membayangkan semula sebuah ekosistem pendidikan yang berbeza dan sebuah dunia yang mampu memenuhi keperluan semua. Sebagai sebuah gerakan, kami memperkasakan murid-murid dan komuniti kami untuk menerajui penyelesaian terbaik.

Kecemerlangan

Kami percaya apabila seseorang itu menyenangi kerja yang dilakukan, dan mempercayai potensi hasil kerjanya, mereka akan membuat yang terbaik dalam kerjaya dan kehidupannya.

Kami menetapkan piawai kecemerlangan yang tinggi dalam setiap aspek pekerjaan dan kehidupan untuk mencapai impak yang dikehendaki dan memastikan kelangsungan jangka panjang TFM.

Kolaborasi

Kami percaya bahawa setiap individu mempunyai peranan tersendiri dalam memastikan setiap anak Malaysia mencapai potensi diri dan dapat memimpin diri sendiri dan orang lain. Kami berkolaborasi dengan murid-murid, komuniti, dan rakan kongsi daripada semua sektor sebagai sebuah gerakan pemimpin kolektif yang saling bekerjasama.

Integriti

Kami percaya bahawa ketulusan, rasa belas kasihan, saling menghormati dan sikap amanah adalah penting untuk mentransformasi perubahan. Kami bukan sahaja memberi kepentingan pada sasaran yang ingin dicapai, malah juga pendekatan yang diambil untuk mencapainya.





Status Pendidikan

Dalam meniti landskap pendidikan yang sentiasa berubah, penting untuk kita berhenti sejenak dan membuat refleksi terhadap tahap pendidikan yang terkini. Pada tahun 2023, hasil daripada Program Penilaian Pelajar Antarabangsa OECD (PISA) 2022 telah dikeluarkan. Hal ini telah memberikan gambaran keseluruhan tentang sistem pendidikan di seluruh dunia. Ini juga merupakan perbandingan komprehensif antarabangsa yang pertama mengenai prestasi pelajar dalam zaman pasca-pandemik dalam memberikan pandangan berharga tentang keadaan pendidikan secara global dan di Malaysia.

Dalam usaha penambahbaikan pemuliharan pembelajaran selepas COVID-19, prestasi pelajar dalam matematik, membaca, dan sains telah menurun di banyak negara. Walau bagaimanapun, penurunan prestasi yang ketara di Malaysia telah menempatkan negara kita di antara negara-negara yang mengalami kecinciran pembelajaran signifikan. Tumpuan khusus perlu difokuskan terhadap **58% remaja Malaysia berusia 15 tahun yang tidak mempunyai kecekapan asas dalam membaca**¹ berbanding 46% pada tahun 2018². Maklumat ini perlu diberi sepenuh perhatian bagi mengatasi masalah **kekurangan kemahiran asas** dalam kalangan pelajar dan hal ini perlu ditangani dengan kadar segera.



remaja berusia 15 tahun di Malaysia tidak menguasai kemahiran asas membaca

Di Malaysia, faktor **cabaran sistem** yang berkait rapat tentang masalah kekurangan dan kapasiti guru amat jelas. Sebanyak 24% daripada pengetua melaporkan kekurangan guru di sekolah mereka, sementara 22% melaporkan isu berkaitan dengan kualiti pengajaran, yang telah meningkat dari angka pada tahun 2018. Bagi melahirkan peningkatan keberhasilan pelajar, sekolah dan guru-guru memerlukan lebih banyak sokongan bagi menangani keperluan dan cabaran dalam dunia yang berkembang pesat pada masa kini.



majoriti ketua isi rumah dari golongan B40 memiliki tahap pendidikan yang minima pada tahun 2019



Jurang pendidikan merupakan cabaran terbesar yang masih kekal di negara kita kerana pandemik telah memperluas jurang ketidakseimbangan yang sedia ada. Walaupun Malaysia telah membuat kemajuan besar dalam memperluaskan akses pendidikan asas, pelajar dari komuniti Orang Asli masih menghadapi pelbagai cabaran untuk mendapatkan pendidikan secara berterusan. Status sosioekonomi juga kekal sebagai penentu prestasi pelajar yang mana pelajar sekolah bandar terus mengatasi rakan sebaya mereka dari sekolah luar bandar.

Kesimpulannya, hasil pendidikan yang lemah dan tidak saksama ini akan mengancam serta mengakibatkan **ketidakseimbangan sumber pendapatan**. Pada tahun 2019, 21% daripada ketua isi rumah golongan B40 memiliki tahap pendidikan yang minima, sementara hanya 13% yang mempunyai pendidikan peringkat tertinggi. Hal ini telah menghalang akses mereka kepada pekerjaan yang bergaji tinggi serta peningkatan dalam tahap kehidupan³.

Berdasarkan kerumitan cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan, kita memerlukan pemimpin dari pelbagai lapisan masyarakat, dari dalam dan luar sistem, untuk bekerjasama menjadikan landskap pendidikan Malaysia lebih baik bagi kebaikan semua. Hanya melalui usaha kolektif ini, kita dapat membawa perubahan yang bermakna secara berterusan.

Kami percaya bahawa semua isu yang melanda sistem pendidikan perlu kepada kepemimpinan kolektif dan komitmen untuk mendengar suara-suara yang memerlukan dalam usaha kami untuk mentransformasi pendidikan.

Rujukan

1. OECD. KEPUTUSAN PISA 2022: Factsheets Malaysia. 2023.
2. OECD. Program Penilaian Pelajar 2018 - Negara Malaysia. 2019.
3. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025. 2021.

12

Teori Kepimpinan Kami



Siapakah pemimpin yang kita perlukan untuk mencipta sebuah perubahan sistemik dalam pendidikan di Malaysia?

Kami telah membangunkan satu kerangka kerja yang dipanggil Teori Kepimpinan (ToL) untuk menjawab persoalan-persoalan ini. Berdasarkan bukti yang jelas dan pernyataan dari pihak berkepentingan, ToL telah mengenal pasti 3 domain utama: Pimpin Diri, Pimpin Orang Lain dan Pimpin Perubahan. Setiap domain memberi tumpuan relevan kepada Kompetensi Utama yang sesuai dengan tujuannya. **Kami percaya bahawa pemimpin yang mempunyai Kompetensi Utama ini berada di landasan yang tepat untuk membuat impak bermakna dalam ekosistem pendidikan.**

Kepimpinan pada semua peringkat ekosistem adalah sangat penting. Gerakan pemimpin Teach For Malaysia menggunakan kerangka kerja ini pada pelbagai peringkat dan tahap kesukaran. Kerangka kerja ToL mempersiapkan individu dalam gerakan kami untuk menjadi pemimpin yang berkesan. Kami juga berusaha untuk memastikan bahawa Alumni program kami mempunyai peluang untuk terus mengaplikasikan kemahiran kepimpinan mereka dan memimpin pada peringkat yang berbeza dalam ekosistem pendidikan.

Untuk mencapai perubahan sistematik yang berkekalan, kita memerlukan pemimpin di dalam bilik darjah, daerah, negeri, dan di peringkat kerajaan persekutuan. Pemimpin yang menggerakkan organisasi bukan bermotifkan keuntungan dalam pendidikan, perusahaan sosial, penyelidikan, dan inovasi juga mempunyai kepentingan yang sama. Akhirnya, kita memerlukan pemimpin yang memperjuangkan dasar-dasar yang terbaik untuk menyokong pendidikan berkualiti bagi semua.



Teori Masalah: Apa yang ingin diselesaikan

Di Malaysia, ketidaksamaan pendidikan adalah sebuah masalah yang rumit dan merupakan sebahagian daripada kitaran yang mengancam. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor yang berakar umbi; sosioekonomi, sistemik, dan ideologi yang dominan.



Apa yang TFM ingin pelajar sampaikan

Saya tahu perkara yang dipelajari dan tahap pembelajaran saya.

Saya tahu perkara yang ingin dipelajari dan tahap kemajuan yang diperlukan.

Saya tahu untuk mendapatkan pertolongan dan perkara yang saya boleh lakukan untuk berada di tahap yang diinginkan."



Visi: Apa yang ingin kami capai

Suatu hari nanti, setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti.




Misi: Bagaimana kami merealisasikan

Demi melahirkan barisan pemimpin dalam ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia untuk mencapai potensi mereka.



Apakah ciri-ciri pemimpin yang ingin dipupuk?



9 Kemahiran

Pimpin Diri

Amalan Refleksi | Integriti | Kecekalan & Kebolehsesuaian

Pimpin Orang Lain

Membina Hubungan & Pasukan | Komunikasi | Perancangan Strategik & Pelaksanaan

Pimpin Perubahan

Kepintaran Mencari Sumber & Inovasi | Pemikiran Sistem | Mobilisasi Kolektif

14

Teori Perubahan Kami

Asas Teori Perubahan kami adalah kepercayaan bahawa kepimpinan yang berkesan dan dapat merealisasikan perubahan sistemik serta mampan adalah sangat penting.

Merekrut dan Membangunkan Pemimpin Paling Berpotensi dari Pelbagai Latar Belakang

Kami merekrut peserta yang mempunyai potensi kepimpinan yang tinggi dan menyediakan latihan kepimpinan serta pedagogi. Hal ini membolehkan mereka membuat impak segera (peningkatan keberhasilan pelajar) sambil memperoleh pemahaman mendalam untuk inisiatif masa hadapan dalam masa jangka panjang.



Memperkasakan Pelajar dari Komuniti Berkeperluan Tinggi

Sepanjang keterlibatan mereka bersama TFM, peserta menerima latihan kepimpinan dan bimbingan untuk mengaplikasikan kompetensi kepemimpinan yang dipelajari. Mereka bekerja dalam komuniti berkeperluan tinggi (pendapatan rendah, sumber terhad) untuk memperkasakan pelajar dengan meningkatkan kemampuan diri, suara, dan nilai kehidupan.



Gerakan Kepimpinan Bersama untuk Perubahan Sistemik

Para pemimpin yang menyertai pelbagai program kami merupakan sebahagian daripada gerakan yang pelbagai, yang dipandu oleh nilai-nilai teras yang sama dan keinginan untuk mengakhiri ketidaksamaan pendidikan. Walaupun keterlibatan awal mereka mungkin melalui teras program yang berbeza, dalam jangka panjang, Alumni Felo TFM kami, Persatuan Duta Guru, pemimpin pelajar Mobilisasi Komuniti, komuniti, dan sukarelawan projek bekerjasama di semua peringkat ekosistem pendidikan, menuju kepada visi bersama dalam memastikan pendidikan berkualiti untuk semua.



Menetapkan Sistem Pendidikan ke Arah Transformasi

Dengan kerjasama dan sokongan daripada Kementerian Pendidikan dan rakan korporat, gerakan pemimpin kami dilengkapi dengan kompetensi kepimpinan yang paling sesuai untuk menangani cabaran rumit dalam sistem pendidikan. Hal ini dapat menetapkan sistem pendidikan ke arah transformasi pendidikan holistik dan memperkasakan pelajar.



Pelan Aspirasi 2030



Memperluaskan Impak untuk Perubahan Sistemik

16

Dari tahun 2012 hingga 2019, Teach For Malaysia memberi tumpuan kepada satu program teras, Program TFM, dengan menempatkan 428 Felo TFM dalam lapan Kohort. Demi memenuhi keperluan kritikal untuk menambah jumlah pemimpin dalam transformasi sistem pendidikan, kami telah mempertingkatkan impak kami secara drastik.

Sejak Pelan Aspirasi 2030 kami pada tahun 2022 dilancarkan, usaha gerakan kami telah dipandu oleh tiga teras dan mempunyai matlamat strategik. Pendekatan ini membolehkan kami meluaskan impak dan memupuk jumlah pemimpin yang penting dalam ekosistem pendidikan. Menjelang tahun 2030, TFM bercita-cita untuk melahirkan gerakan seramai 30,000 pemimpin yang bekerjasama untuk memperkasakan kanak-kanak dalam komuniti yang kurang mendapat perhatian di seluruh Malaysia bagi merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.

Seiring dengan perkembangan gerakan kami, kami berharap TFM sebagai sebuah platform yang mana individu dari pelbagai latar belakang boleh bekerjasama dan menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan, bergerak ke arah matlamat yang sama untuk menjadikan Malaysia yang lebih baik bagi semua.

Bagi mencapai matlamat di atas, kami telah memperluaskan jangkauan kami di luar Program TFM. Kami kini berkolaborasi bersama guru-guru dan pemimpin sedia ada dalam sektor pendidikan awam untuk mendorong transformasi sistem. Seiring dengan misi kami, kami juga menggerakkan pemimpin dari semua peringkat ekosistem pendidikan secara kolektif dalam usaha meningkatkan impak kami. Kerangka kerja yang berfokuskan tiga teras utama dan matlamat strategik ini akan memastikan kejayaan setiap teras.

Tiga Teras Utama:

Teras 1

Membangunkan
Pemimpin Baru dalam
Sistem Pendidikan
Melalui Program TFM


Teras 2

Memacu Pembangunan
Pemimpin Sedia Ada dalam
Sistem Pendidikan

Teras 3

Menggerakkan Pemimpin
dalam Gerakan
untuk Mendorong
Perubahan Sistemik

Teras Transformatif dan Matlamat Strategik yang akan membawa kami ke arah Aspirasi 2030



* Termasuk Alumni, ketua pelajar, sukarelawan dan komuniti Angka ini mewakili aspirasi yang ingin dicapai menjelang 2030, sebagai panduan seperti yang dilancarkan pada 2012


4 Matlamat Strategik Kami untuk mencapai Pelan Aspirasi 2030



Sasaran-sasaran Strategik	1 Pelajar	2 Sistem	3 Skala	4 Mampan
Bidang Keutamaan	<p>Untuk menjadikan Visi Murid kami sebuah realiti buat semua anak Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid kami mencapai perkembangan akademik yang membolehkan mereka untuk mengejar impian dalam haluan yang dipilih. Murid kami mengembangkan kompetensi kepimpinan yang diperlukan untuk menerajui penyelesaian isu dalam komuniti mereka. Murid kami memperoleh akses kepada peluang yang membantu mereka meneroka dunia dan minat mereka. 	<p>Untuk menjadi rakan kongsi yang dipercayai untuk mengupayakan transformasi ekosistem pendidikan awam</p> <ul style="list-style-type: none"> Jenama kami dikenali ramai dalam kalangan pemegang taruh dan impak kami menginspirasikan mereka untuk bertindak ke arah perubahan. Kami terlibat secara aktif dalam debat perihal pendidikan kebangsaan melalui kajian dan advokasi berkualiti tinggi. Kami diiktiraf sebagai rakan kongsi yang dipercayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pemain industri lain dalam ekosistem pendidikan. 	<p>Untuk membina gerakan pemimpin untuk mengatasi ketidaksamaan pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kami merekrut dan memilih sejumlah besar pemimpin yang berpotensi tinggi untuk membawa impak kepada komuniti sosioekonomi rendah. Kami mengukuhkan cara pembangunan pemimpin dilaksanakan demi menghasilkan pendidikan yang berkualiti dan saksama melalui kerangka pembangunan kepimpinan kami yang terkini. Kami memobilisasikan dan mempelbagaikan usaha berterusan dalam gerakan pemimpin kami untuk mengatasi ketidaksamaan pendidikan untuk jangka panjang. 	<p>Untuk membangunkan sebuah organisasi yang mampan, terlibat secara aktif, dan berpegang kepada nilai kami</p> <ul style="list-style-type: none"> Kami merupakan tempat kerja yang terbaik untuk pasukan kami. Kami mempunyai kewangan yang mampan serta mekanisme pembiayaan yang pelbagai. Kami berpegang kepada kecemerlangan tadbir urus dan operasi, memanfaatkan teknologi dan nilai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance, ESG) kami.

Kerangka Ukuran Impak Kami

Pada tahun 2023, kami telah membina satu kerangka kerja yang bersepada dalam menggambarkan kesan kolektif dari semua teras agar kami dapat menyampaikan pencapaian kami dengan lebih baik ke arah Pelan Aspirasi 2030 dan visi kami.




Sorotan Pencapaian Kami



Sejak 2012, gerakan Teach For Malaysia telah berkembang sehingga seramai 2,872 pemimpin



492 orang Felo TFM
935 orang peserta Program Duta Guru



1,039 orang Pemimpin Pelajar¹
406 orang Sukarelawan, Mentor dan Ketua Komuniti²



366,395 orang pelajar mendapat manfaat



911 buah sekolah
95% daripadanya ialah sekolah-sekolah yang berkeperluan tinggi dan kini kami juga berkhidmat untuk komuniti Orang Asal


Pada tahun 2022, Teach For Malaysia menerima Anugerah Merdeka 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka ialah anugerah kecemerlangan ulung di Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil dan Shell pada tahun 2007.

Rujukan:

1. Jumlah Pemimpin Pelajar direkod sejak 2018
2. Bilangan sukarelawan, mentor dan ketua komuniti dewasa direkod sejak 2023



22

**JUMLAH****492****Felo TFM****935****Peserta PDG**

Jejak TFM



Impak Kolektif



Teras 1: Membina Pemimpin Baru dalam Sistem Pendidikan

Teras MEMBINA kami diterajui oleh program andalan kami, Program TFM. Program TFM ialah sebuah Program Pembangunan Kepimpinan selama dua tahun yang membangun penggerak perubahan dalam sektor pendidikan. Pada tahun 2022, kami melancarkan haluan Program TFM Sebagai Rakan Guru yang menempatkan Felo TFM sebagai Rakan Guru bagi menyokong guru-guru sedia ada di sekolah Orang Asli dan sekolah berkeperluan tinggi.

Sejak 2012, Program TFM sudah mencecah:

11

Kohort

492

Felo dan Alumni

190

Sekolah

11

Negeri & Wilayah Persekutuan

144,300

Pelajar

Fokus impak:



Komuniti

93% sekolah yang bekerjasama dalam Program TFM ialah sekolah-sekolah berkeperluan tinggi, dan kami kini juga bekerjasama dengan komuniti Orang Asal



Sistem

72% Alumni TFM melanjutkan kerjaya dalam bidang pendidikan dan sektor sosial selepas tamat Program TFM

*Anggaran bilangan pelajar yang telah menerima manfaat menerusi Program TFM

Pada tahun 2023, kami kembali ke Sarawak, dan bekerjasama dengan 9 buah sekolah.



Program TFM Sebagai Rakan Guru

Felo Program TFM Sebagai Rakan Guru dipasangkan dengan Guru Hos di sekolah yang ditugaskan dan turut serta dalam aktiviti pengajaran. Felo TFM bekerjasama secara rapat dengan Guru Hos dalam merancang, melaksana, dan menentukan topik pembelajaran, berpandukan matlamat sama dalam meningkatkan prestasi pelajar.

Pada tahun 2023, **kami menyahut panggilan untuk menambah sokongan pendidikan di Malaysia Timur** dan membawa kembali Program TFM ke Sarawak. Salah satu cabaran yang sering dihadapi oleh Felo TFM di sekolah adalah tahap kemahiran membaca yang rendah. **Justeru, kami menetapkan kepentingan untuk melengkapkan Felo TFM dengan kemahiran dan sumber bagi menjalankan intervensi membaca dan mengira untuk murid.**



Ikhtisar Impak Fellowship 2023

45

orang Felo di seluruh Perak dan Sarawak

10,200

orang pelajar telah menerima impak

17

buah sekolah di seluruh Perak dan Sarawak

+83

Net Promoter Score (NPS)

Analisis tinjauan Program TFM 2023; +19 % daripada 2022: +70 NPS

Ikhtisar Impak Program TFM pada tahun 2023

01 | Pelajar

Latihan kami menekankan kepada perantaraan pelajar dan kecerdasan emosi. Penetapan minda murid disebut sebagai peramal terbesar kejayaan pelajar.

Analisis TFM / McKinsey's Drivers of Student Performance 2017

80% pelajar mengatakan Felo TFM mencabar mereka dengan jangkaan yang tinggi.

Data Analisis Captivate Tripod Survey Teach For All 2023



02 | Sekolah

92% Guru Hos mendapati pengajaran bersama bermanfaat dalam meningkatkan prestasi pelajar.

Analisis Kaji Selidik Guru Hos TFM 2023

100% Guru Hos bekerjasama dengan baik dan positif bersama Felo TFM.

Analisis Kaji Selidik Guru Hos TFM 2023

100% Pengetua/Guru Besar menunjukkan bahawa Felo TFM menyumbang kepada pemberian sekolah dalam sekurang-kurangnya 1 daripada 3 aspek: kemenjadian murid, projek komuniti atau kemahiran pedagogi guru. Aspek paling menonjol adalah kemenjadian murid dengan 88% Pengetua/Guru Besar mengakui impak besar Felo TFM dalam hal ini.

Analisis Kaji Selidik Pengetua TFM 2023



03 | Komuniti

Felo TFM telah menjalankan 17 inisiatif impak komuniti baharu yang mengetengahkan pelbagai isu kelas dan komuniti seperti "Kepimpinan & Karakter", "Literasi & Celik Mengira", dan "Sukan, Seni, & Ekspresi".

Analisis TFM

Utama

Mengangkat Suara Orang Asal



Sejak Felo TFM ditempatkan dalam komuniti Orang Asal, kami telah berusaha untuk mengintegrasikan dan menyesuaikan program kami agar Felo TFM dapat berinteraksi bersama pelajar Orang Asal dan komuniti mereka secara lebih baik dan meluas.

Tahun ini, **kami menyediakan ruang bagi pemimpin dan belia dari komuniti Orang Asal untuk berkongsi pandangan mereka tentang kepimpinan dan pendidikan.** Daripada dapatan dan saranan yang diperoleh, **kami mula untuk memperdalam konteks dan menyesuaikan pendekatan pembangunan kepimpinan agar kami dapat berkhidmat untuk komuniti Orang Asal dengan lebih baik.** Ini merupakan langkah yang amat penting sebagai asas untuk kami merekrut dan melatih Felo Orang Asal untuk mengajar di pusat pendidikan komuniti di penempatan Orang Asal.

Pada tahun 2023, kami merekrut 2 orang Felo TFM, seorang daripada suku kaum Jakun dan

seorang lagi daripada suku kaum Jahut, yang bakal merintis perjalanan haluan ini pada tahun 2024. Pengintegrasian Program TFM ini berjaya atas kerjasama Yayasan Gamuda. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Dr. Colin Nicholas, Dr. Suria Selasih Angit, Anne Lasimbang, dan Kon Onn Sein yang telah berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman bekerjasama dengan komuniti Orang Asal untuk bantu usaha kami.

Demi memperjuangkan semangat pembelajaran bersama, kami juga bekerjasama dengan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) untuk menganjurkan sesi "Memimpin untuk Perubahan", di mana Felo TFM dapat memahami sistem pendidikan Orang Asal, cabaran-cabarannya dan juga strategi pendidikan untuk pelajar dari komuniti Orang Asal dengan lebih mendalam.

* Orang Asal ialah istilah gabungan untuk Orang Asal di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Anak Negeri Sabah.



“Saya menyertai Program TFM kerana saya percaya bahawa sebagai graduan, program ini bakal membantu saya membentuk pemikiran sebagai pemimpin. Sepanjang program ini, saya akan didedahkan kepada pelbagai cabaran dalam ekosistem pendidikan, terutamanya yang berkaitan dengan pendidikan Orang Asli yang pastinya bakal membentuk keupayaan menyelesaikan masalah dan berfikir secara jelas ke atas diri saya.”

Jenny Awalina A/P Jeff

Felo TFM Kohort 2024

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Jenny akan mengajar kanak-kanak Orang Asli di Pusat Pembelajaran Komuniti pada tahun 2024.

Utama

Inisiatif Kemajuan Komuniti Felo TFM

Selain daripada pengajaran bersama di dalam kelas, Felo TFM turut menjalankan program selepas sekolah dan program komuniti bagi menangani pelbagai isu yang wujud sekitar sekolah dan komuniti. Projek-projek yang dijalankan oleh Felo TFM adalah berdasarkan keperluan murid dan komuniti yang didorong oleh **komitmen untuk mendengar suara mereka di dalam dan di luar bilik darjah**. Inisiatif ini dicipta untuk memastikan agar murid terus mendapatkan pendidikan yang komprehensif serta dapat mengakses peluang untuk masa hadapan yang lebih cerah setelah Felo TFM tamat berkhidmat.



Inisiatif Kemajuan Komuniti | MaxMath

MaxMath direka dan dibangunkan oleh Mohamed Syakir bin Mohamed Hisham, Felo TFM Kohort 2022 selepas mendapati bahawa pencapaian anak muridnya tidak mencapai piawaian tempatan dan antarabangsa. Beliau mereka MaxMath dengan fokus untuk menjadikan modul subjek Matematik lebih kecil dan mudah difahami, menggunakan aktiviti yang interaktif dan menyeronokkan, serta memperkasakan komuniti sebagai fasilitator pembelajaran. MaxMath mendapat sekurang-kurangnya 50%

dari pelajar yang mengambil bahagian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran mengira melalui program rintis tersebut.

Sebagai seorang jurutera yang terlatih, Mohamed Syakir menyertai Program TFM kerana beliau percaya bahawa pendidikan yang baik adalah asas untuk kehidupan yang baik. Beliau berharap program ini (MaxMath) akan meningkatkan keyakinan matematik setiap kanak-kanak di Malaysia, membina minda yang minat belajar dan meneroka dunia yang mereka diami dengan lebih mendalam.



“Program TFM merupakan sebuah pengalaman yang mengubah kehidupan kerana kesannya terhadap diri saya, perkara yang saya bincangkan, keutamaan dalam hidup, serta motivasi saya. Program TFM telah mengubah pandangan saya tentang kerjaya daripada mengutamakan wang kepada mengutamakan makna. Saya belajar bahawa sekiranya anda menginspirasikan seseorang untuk kebaikan, orang tersebut bakal memberi impak kebaikan kepada orang sekeliling mereka.”

Mohamed Syakir bin Mohamed Hisham

Felo TFM Kohort 2022

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal
Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)





Inisiatif Kemajuan Komuniti | Corak-Corak Alam

Pada 2022, Program TFM telah berkembang sehingga ke komuniti Orang Asli. Ditubuhkan oleh Felo TFM Kohort 2022, Amirul Shamin bin Ballazi dan dibantu oleh Tiaradeetha binti Ramjit, Corak-Corak Alam ialah satu inisiatif di bawah projek Kemar Tari yang direka untuk menghubungkan elemen-elemen budaya komuniti Orang Asli Kemar dengan komuniti lebih luas. Ia mempamerkan identiti mereka dan hubungan warisan yang kuat dengan alam semula jadi. Ini adalah projek pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang menggabungkan seni persembahan dan visual dari keunikan budaya Orang Asli.

Inisiatif ini telah mencapai kejayaan yang cemerlang di mana 80% daripada peserta mengalami peningkatan dalam kaji selidik SCoRE*, manakala 70% menunjukkan minat untuk terus belajar tentang persekitaran, budaya, dan hak mereka.

Felo TFM Shamin dan Tiara berharap dapat melihat pelajar dari komuniti Orang Asli mengambil bahagian dalam membela alam sekitar, warisan, dan hak mereka secara aktif, serta memupuk kesedaran dan pemahaman dalam kalangan masyarakat.

*SCoRE - Pembelajaran Sosial & Emosi, Kemahiran Komunikasi, Ketahanan, Keusahawanan



Amirul Shamin bin Ballazi dan Tiaradeetha binti Ramjit, Felo TFM Kohort 2022 kini mengajar bersama di sebuah sekolah yang berkeperluan tinggi di Gerik, Perak.

“Melihat beliau [Cikgu Shamin] belajar tentang komuniti Orang Asli adalah satu pengalaman luar biasa bagi saya. Saya berharap pengalaman saya bersama Cikgu Shamin akan membantu saya mengikuti jejaknya.” — Sakiani, 13 tahun, pelajar dari Gerik, Perak

Sakiani adalah seorang pelajar dari komuniti Orang Asli yang diajar oleh Shamin, Felo TFM Kohort 2022. Pengalamannya di dalam kelas telah memperluaskan pemikirannya dan menggalakkannya untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran secara aktif. Beliau juga dipilih untuk mengambil bahagian dalam Kem Kepimpinan Pelajar TFM 2023 di Kuala Lumpur, yang mengasah kemahiran kepimpinannya dengan lebih mendalam. Beliau berharap dapat membela nasib Orang Asli dalam masyarakat dan menyaksikan Malaysia yang lebih bersatu dengan pelbagai bangsa dan budaya pada masa hadapan.

Teras 2: Meningkatkan Pemimpin dalam Sistem Pendidikan

Usaha kami dalam mendukung Teras MEMACU menjangkau pemimpin yang sedang menghasilkan impak dalam sistem pendidikan. Program-program yang kami jalankan buat masa ini membantu guru-guru dan pegawai pendidikan daerah, seiring dengan keinginan kami untuk menjadi rakan yang dipercayai oleh Kementerian Pendidikan. Peluang bekerjasama secara langsung bersama guru-guru dalam perkhidmatan juga bermakna kami berpeluang untuk menyumbang kepada pemulihhan pembelajaran pasca pandemik di seluruh negara.

Program Duta Guru (PDG) merekrut dan memperkasakan guru-guru STEM dalam perkhidmatan dengan melengkapkan mereka dengan kompetensi kepimpinan yang bakal mengupayakan transformasi pengajaran dan pembelajaran STEM secara meluas dan mampan di sekolah.

Sebuah kerjasama antara Yayasan PETRONAS dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPD), PDG adalah program berhubungkan industri yang berlangsung selama dua tahun di seluruh negara untuk mengukuhkan keupayaan guru STEM yang berkhidmat di sekolah-sekolah dengan majoriti pelajar daripada golongan B40. Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan guru-guru sekolah awam Malaysia dalam menarik minat, mengasah kemahiran pelajar dalam mata pelajaran STEM dan kemahiran berfikir aras tinggi, terutamanya untuk golongan kurang berkemampuan.

Menjelang tahun 2030, Program Duta Guru menasarkan untuk memperkasakan 4,500 orang guru menjadi cekap dan komited sebagai guru teladan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui pendidikan STEM sebagai asas sebuah negara yang berdaya saing.

Fokus impak:

Komuniti

58%

58% buah sekolah di kawasan pedalaman

96%

96% mengajar di sekolah-sekolah B40 (sekolah dengan minimum murid komuniti B40 ialah sebanyak 30%)

Sejak 2020, Program Duta Guru sudah mencecah:

4

Kohort

935

Peserta Duta Guru

220

Pegawai Daerah menjadi Pembimbing PDG (PPDG)

13 Negeri & **3** Wilayah Persekutuan

(145 daerah)

721

Sekolah

214,800

Pelajar

Ikhtisar Impak Program Duta Guru pada tahun 2023



01 | Pelajar

Dalam kalangan pelajar peserta Kohort 3 Program Duta Guru:

70% pelajar mencapai Tahap Penguasaan (TP) 4 atau lebih dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

58% pelajar menunjukkan peningkatan dalam Tahap Penguasaan (TP) dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

70% menunjukkan sikap positif terhadap STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik)

54% melaporkan penggunaan aplikasi KBAT

Analisis TFM data dilaporkan oleh peserta PDG



02 | Guru

95% orang guru PDG menggunakan pedagogi dan kaedah yang diperbaharui di dalam bilik darjah

80% orang guru PDG telah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan & kemahiran guru STEM lain di sekolah

96% orang Duta Guru percaya PDG telah memberi impak positif kepada pencapaian pelajar mereka

Analisis TFM data dilaporkan oleh peserta PDG

415 orang guru PDG telah menyiapkan projek inovasi atau penyelidikan tindakan di mana **6** daripadanya diiktiraf di peringkat antarabangsa dan **7** daripadanya diiktiraf di peringkat kebangsaan

Utama

Guru PDG Meningkatkan Kemahiran Pedagogi dan Menekankan Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Para peserta telah mengalami perubahan positif dalam pengajaran dan pemikiran mereka hasil daripada program ini, termasuk peningkatan tahap keyakinan dan motivasi. Program ini juga telah membawa sinar baharu kepada kaedah pengajaran berpusatkan pelajar, membolehkan peserta menjadi lebih yakin dalam mengajar pelajar dari pelbagai latar belakang.



“Penglibatan saya dalam program ini telah banyak membantu saya menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berstruktur serta meningkatkan daya tahan saya untuk menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan.”

Cikgu Nur Ain

Peserta PDG Kohort 3
Mengajar di Batu Pahat, Johor.

“Program ini telah membuka mata saya untuk sentiasa fokus kepada pelajar. Menerusi pelbagai aktiviti yang saya telah jalankan di dalam kelas berdasarkan program ini, saya sedar pelajar menyukai aktiviti-aktiviti tersebut dan ia tidak mendatangkan tekanan kepada mereka.”

Cikgu Florence Endy

Peserta PDG Kohort 4
Mengajar di Kapit, Sarawak.



Utama

Simposium Kebangsaan Program Duta Guru



Simposium Kebangsaan diadakan sebagai platform bagi komuniti PDG di seluruh Malaysia untuk berkongsi pengetahuan, melibatkan diri dalam perbincangan intelektual, dan menjalankan hubungan sesama sendiri dan pihak berkepentingan lain dalam pendidikan STEM.

Kami mengetahui **kebimbangan industri berkenaan perihal bakat dan sumber manusia** dan menumpukan tema Simposium Kebangsaan kepada "Molahirkan Penyelesaian Masalah Kalis Masa Depan: Meneroka Persimpangan antara STEM Bersepadan dan Masa Depan Mampan". Tema ini mencerminkan matlamat untuk lebih memahami apa yang diperlukan bagi membimbing pelajar yang bersedia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang rumit di masa depan.

Acara tersebut menyaksikan jumlah peserta terbesar sejak ia dilancarkan, dengan lebih daripada 800 peserta, termasuk lebih daripada 50 pelajar, yang menjadi ahli panel, penceramah, dan peserta. Kami juga mempunyai panel pameran untuk berkongsi teknologi dan pandangan dengan para peserta.

882 Peserta

+78 Net Promoter Score (NPS)

Analisis TFM

Peserta Simposium Kebangsaan berpuas hati dengan aspek-aspek berikut:

- Keyakinan untuk mengajar STEM meningkat
- Mengenal pasti peluang untuk menambah baik STEM di dalam kelas
- Minat untuk kolaborasi STEM meningkat
- Kesedaran dan pengetahuan tentang PDG meningkat
- Minat untuk bekerjasama dengan PDG di masa depan meningkat



“STEM membantu saya menjawab soalan-soalan sukar yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi, terutamanya dalam abad ke-21 ini. Pada masa yang sama, ia juga membantu meningkatkan prestasi akademik saya. Di sekolah saya, guru-guru selalu memberi peluang kepada pelajar untuk membentangkan sebuah topik dan menggalakkan kami untuk berfikir tanpa bergantung kepada mereka.”

Kareena Letchumanan

16 Tahun

Pelajar dari Jeram, Selangor




Teras 3:

Memobilisasikan Pemimpin untuk Memacu Perubahan Sistemik

Kami percaya bahawa kepimpinan secara kolektif diperlukan untuk memacu perubahan pada pelbagai peringkat ekosistem pendidikan. Oleh itu, teras ketiga kami - Mobilisasi Komuniti - memudahkan proses ini dengan membangunkan dan menggerakkan pemimpin dari setiap lapisan ekosistem pendidikan demi memusatkan perubahan sistemik. Berikut adalah beberapa kumpulan yang bekerjasama dengan kami selari dengan prinsip ini untuk memastikan gerakan pemimpin TFM terus bersifat menyeluruh, pelbagai dan meluas.

01 | Impak Alumni: Alumni TFM

Setelah menamatkan Program TFM, Felo TFM memegang jawatan kepemimpinan dalam sistem sekolah dan pelbagai sektor sebagai Alumni, sambil menyebarkan misi kami untuk merombak sistem pendidikan di luar Program TFM.



79% daripada responden dalam Kaji Selidik Alumni Program TFM bersetuju bahawa pilihan dalam haluan kerjaya mereka sangat dipengaruhi oleh penyertaan mereka dalam komuniti dan program Teach For Malaysia.

Organisasi Alumni

Berbekalkan pengalaman Program TFM mereka, sejumlah Alumni kami telah meneruskan misi transformasi pendidikan dengan menubuhkan atau memimpin impak sosial. Berikut adalah beberapa organisasi yang dijalankan oleh Alumni TFM:



Arus ialah sebuah organisasi sosial yang melengkapkan pelajar dengan kemahiran sepanjang hayat melalui pendekatan pembelajaran pelbagai bidang.

Impak 2023: **5,170** pelajar, **3,047** guru, **1,816** sekolah, **16** JPN



Chumbaka ialah sebuah perusahaan sosial dengan visi untuk meningkatkan kemahiran hidup kanak-kanak melalui teknologi.

Impak 2023: **6,295** pelajar, **749** sekolah, **1,052** guru, **260** pelajar universiti

Impak Kumulatif: **35,000+** pelajar, **1,000+** sekolah



Diupayakan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman, program Closing The Gap (CTG) bertujuan untuk memperkasakan murid kurang diwakilkan yang berpotensi tinggi dengan ilmu, kemahiran, dan penetapan minda untuk memasuki universiti dan mencapai potensi penuh mereka.

Impak 2023: **96** pelajar

Impak Kumulatif: **>450** pelajar melanjutkan pengajian selepas SPM, **RM14.7** juta berbentuk biasiswa dan bantuan kewangan



Edvolution merupakan sebuah perusahaan sosial tidak berdasarkan keuntungan berfokuskan pembangunan kepimpinan dalam sistem pendidikan untuk memacu perubahan institusi.

Impak 2023 (Jan-Ogos): **53** pegawai PPD, **10** negeri, **295** guru

Impak Kumulatif: **12** negeri, **37** daerah, **189** pegawai, **255** sekolah, **620** guru



MYReaders ialah sebuah perusahaan sosial yang memperkasakan murid melalui komuniti dengan menyediakan program membaca yang berstruktur dan lestari.

Impak 2023: **14** sekolah, **20** komuniti, **442** pelajar, **85** guru, **145** sukarelawan, **63** ibu bapa

Impak Kumulatif: **133** sekolah, **55** komuniti, **34,899** pelajar, **1,010** guru, **2,053** sukarelawan, **1,784** ibu bapa

40



PEMIMPIN GSL adalah sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan yang berfokuskan kepada memperkuuh kepimpinan di sekolah serata Malaysia.

Impak 2023: **76** sekolah, **120** pendidik, **38,548** pelajar (jangkaan impak tidak langsung)

Impak Kumulatif: **1,900** sekolah, **3,337** pendidik, **437,287** pelajar (jangkaan impak tidak langsung)

Menganjurkan Malaysia Teacher Prize & Summit, yang disertai oleh **735** orang dari seluruh Malaysia.



Project ID merupakan sebuah perusahaan sosial dengan visi untuk memperkasakan pelajar untuk mencapai aspirasi kerjaya mereka, melalui pembangunan kepimpinan dan kemahiran insaniah.

Impak 2023: **6,000** pelajar, **25** latihan industri mini, **20** inisiatif pelajar



Impian Kencana ialah sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan yang bertujuan untuk melatih belia B40 dalam mengatasi kemiskinan bandar melalui bengkel bersiri yang khusus dalam kemahiran insaniah dan pemikiran yang kreatif.

75 pelajar, **182** sukarelawan, **6** komuniti PPR



Classroom Adventures ialah sebuah organisasi sosial yang mencipta pengalaman pembelajaran eksperimental melalui gamifikasi untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik.

Impak 2023: **4,491** peserta dari **69** bengkel, meliputi **39** buah ruang pembelajaran yang berbeza

Impak Kumulatif: **6,527** peserta dari **138** bengkel, meliputi **56** buah ruang pembelajaran yang berbeza. **240,000** orang pelajar muda terlibat melalui kursus pengurusan kewangan atas talian kami.



Ditubuhkan pada tahun 2022, Reimagine Education (R.ED) ialah sebuah badan bukan berdasarkan keuntungan yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak pelarian di Malaysia agar dapat berkembang melalui cabaran dan ketidakpastian yang menanti mereka.

Impak 2023: **20** pelajar, **16** sukarelawan yang komited

Impak Kumulatif: **55** peserta dari **2** kohort dan **18** sukarelawan

Pencapaian Alumni TFM



Membimbing pelajar yang memenangi Pingat Emas dalam Pameran dan Ekspos STEM Asia Tenggara 2023 dalam penciptaan simen alternatif

Puteri Nazatulsima binti Megat Zulkifle

Alumni TFM Kohort 2015
Alumni Mengajar
Miri, Sarawak



Menerima Pingat Emas untuk Persidangan Kebangsaan tentang Kajian Tindakan, Guru, dan Inovasi 2023

Anglelina Sii Ai Jing

Alumni TFM Kohort 2015 & Peserta PDG Kohort 2
Alumni Mengajar
Miri, Sarawak



Menerima Biasiswa Fulbright Humphrey Fellowship pada tahun 2023 sebagai salah seorang daripada dua orang penerima di Malaysia untuk mengikuti pengajian di Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat

David Chak

Alumni TFM Kohort 2013
Pengasas Bersama Arus Academy
Bukit Mertajam, Pulau Pinang



Menerima Biasiswa Chevening daripada Jabatan Luar Negeri, Komanwel, dan Pembangunan UK untuk mengikuti pengajian di London, United Kingdom

Shankar K. Ehambaram

Alumni TFM Kohort 2016
Mahasiswa Pascasiswazah
London, United Kingdom



Kisah Alumni TFM: Memperluas Pendidikan di Luar Kelas

Dalam meniti usia dewasa, kita mempelajari cara menafsir dunia, namun kita jarang sekali mengambil kira bahawa kita merupakan penghuni dalam sebuah ekosistem yang saling berkait. Bagi membentuk generasi pencinta alam sekitar masa depan, kanak-kanak memerlukan pendidikan yang membantu mereka memahami hubungan antara manusia dengan alam semula jadi. Wan Ahmad Azimi bin Wan Azmin, seorang Alumni Mengajar TFM 2012, sedar bahawa pendidikan adalah kunci untuk mendapatkan sekutu dalam usaha memelihara ekosistem marin.

Perjalanan Azimi bermula dengan kerjayanya dalam biologi marin, membimbing eko-pelancong dalam amalan pelancongan yang bertanggungjawab di Pulau Perhentian. Semasa merancang program sukarelawan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tempatan, beliau terjumpa Program TFM – satu titik penting dalam haluannya.

Azimi, seorang pendidik yang bersemangat, masih lagi mengajar walaupun telah

menamatkan Program TFM selepas 2 tahun. Dengan memanfaatkan gaya inovatif dan pandangan uniknya sebagai ahli biologi marin yang terlatih, beliau berusaha untuk membawa pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajarnya di Tanjung Sepat. Beliau menggabungkan tema-tema alam sekitar dengan kurikulum kebangsaan, dengan harapan untuk membangkitkan minat pelajar tentang kesedaran alam sekitar dan jalan penyelesaian yang mampan.

Menyaksikan detik-detik "Eureka" pelajarnya mengukuhkan lagi dedikasi Azimi terhadap pendidikan. Selama sedekad, Azimi menemui panggilannya untuk membentuk pemikiran anak muda melalui pendidikan berkualiti dan menanamkan kefahaman mereka tentang peranan mereka dalam sistem ekologi. Beliau berharap agar dapat membuka sudut pandangan anak muridnya untuk menjaga ekosistem negara yang berharga namun rapuh ini.

Wan Ahmad Azimi bin Wan Azmin

Alumni TFM Kohort 2012
Alumni Mengajar
Kuala Langat, Selangor

02 | Impak Alumni: Komuniti Duta Guru (DG)

Komuniti Duta Guru terdiri daripada alumni PDG yang digelar sebagai Duta Guru. Pada Oktober 2023, kami menerima 243 orang guru daripada Kohort 3 dan 3 orang guru daripada Kohort 2 untuk menyertai Komuniti Duta Guru. Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek.

Selain Menteri Pendidikan, Majlis Penganugerahan Duta Guru untuk kohort ini diserikan dengan kehadiran Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, YBrs. Dr. Ahmad Rafee Che Kassim bersama YBrs. Tn. Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, beberapa orang ketua jabatan serantau PETRONAS, dan pengarah-pengarah atau wakil-wakil jabatan di KPM. Tiga kategori Anugerah Khas telah diberikan kepada 6 orang peserta yang menunjukkan perkembangan dan kepimpinan yang luar biasa sepanjang program tersebut: Inspirasi PDG; Kepimpinan Komuniti dan Juara STEM.



Pada tahun 2023, kami melancarkan Kaji Selidik Duta Guru pertama.

85% orang Duta Guru sering menggunakan strategi yang dipelajari atau dimantapkan melalui PDG di dalam bilik darjah.

96% orang Duta Guru yakin penyertaan mereka dalam PDG telah menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar.

89% orang Duta Guru telah menjalankan sesi pembelajaran dengan guru-guru bukan PDG menggunakan strategi dan kandungan PDG.

83% orang Duta Guru rasa terhubung dengan komuniti Duta Guru

Kebanyakan Duta Guru telah menyuarakan harapan mereka untuk terus berkolaborasi di dalam dan di luar komuniti DG.



497

Duta Guru

63% orang Duta Guru yakin bahawa PDG adalah pemangkin penting dalam ekosistem pendidikan STEM

Analisis TFM

Net Promoter Score (NPS) **+77**

Analisis TFM



03 | Pemimpin Pelajar

Kami percaya akan kuasa kepemimpinan pelajar kerana pelajar muda diberi keupayaan untuk menjadi ejen transformasi dalam kalangan komuniti mereka. Sejak tahun 2012, kami telah membimbing 1,039 orang pemimpin pelajar melalui program-program seperti Kem Kepimpinan Pelajar, Persidangan Pelajar, Program Komuniti Perkasa dan sebagainya.

Utama: Kem Kepimpinan Pelajar

Kem Kepimpinan Pelajar (SLC) adalah kerjasama antara Teach For Malaysia dan Accenture Malaysia untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dan menanam pemikiran reka bentuk (*design thinking skills*) dalam kalangan pelajar.

Sejak 2013, kami bekerjasama dengan Accenture Malaysia bagi memperkasakan pelajar membangunkan penyelesaian terhadap cabaran komuniti setempat melalui inisiatif yang diadakan. SLC tahun ini istimewa, kerana ini kali pertama program tersebut menyasarkan pelajar sekolah rendah dan komuniti Orang Asli.

Sejak ditubuhkan, SLC telah membimbing **932 orang pemimpin pelajar**. Mereka telah melaksanakan 151 inisiatif yang digerakkan oleh pelajar di 3 buah wilayah di Malaysia.

Kem Kepimpinan Pelajar 2023

154

Pelajar yang Terlibat

33

Mentor Accenture

7

Sekolah

RM13,200

Kutipan Dana

34

buah pasukan tercipta untuk mengemukakan inisiatif dengan tujuan menangani suatu isu dalam kalangan komuniti. Pasukan yang terlibat dibimbing oleh Mentor Accenture sepanjang pelaksanaan kem. 22 daripada 34 projek yang dibentangkan telah menerima dana untuk menggerakkan projek mereka.

Utama

Persidangan Pelajar



Pada tahun 2023, kami **mengangkat suara pelajar lebih tinggi** dengan menganjurkan Persidangan Pelajar pertama kami dan menubuhkan Majlis Pelajar.

Persidangan Pelajar Teach For Malaysia bertujuan untuk memperkasakan dan mengangkat suara pelajar bagi menginspirasikan pendidikan berkualiti dengan menghimpunkan pemimpin pelajar yang pernah dibimbing oleh Teach For Malaysia dari seluruh negara untuk mendengar pandangan dan menyokong mereka untuk membentuk pendidikan yang mereka inginkan buat diri sendiri dan rakan sebaya. Persidangan ini telah dianjurkan oleh pelajar sendiri, lengkap dengan 18 orang ahli jawatankuasa yang bekerjasama dengan mentor dari Citibank untuk memastikan kejayaan program. Kami juga menubuhkan Majlis Pelajar kami yang pertama, terdiri daripada 30 orang pelajar dari SK Taman Kepong di mana 77% pelajar telah meningkatkan prestasi mereka dalam sekurang-kurangnya satu kemahiran SCoRE¹.

Kami akan terus memperjuangkan inisiatif seperti ini untuk mencungkil potensi pelajar dengan memberi mereka peluang untuk memimpin.

Persidangan Pelajar TFM 2023

99 orang pelajar menyertai Persidangan Pelajar

100% peserta dan tetamu memberi sekurang-kurangnya 4/5 markah bagi tahap kepuasan acara Persidangan Pelajar itu

95.5% menilai sekurang-kurangnya 4/5 markah bagi pemahaman mereka tentang cara menggunakan suara mereka

+71 Net Promoter Score (NPS)

Analisis TFM

Rujukan:

1. Rangka kerja SCoRE merupakan kaji selidik yang dijalankan oleh Kepimpinan Pelajar TFM untuk menilai Pembelajaran Sosioemosi, Komunikasi, Ketahanan, dan Keusahawanan.

Utama

Program Komuniti Perkasa

46



2023 Program Komuniti Perkasa

293

Pelajar

99

pembimbing sukarelawan

53.4% orang
pelajar mengalami
peningkatan dalam akademik

Analisis TFM

76% orang pelajar
menunjukkan peningkatan
dalam kemahiran kepimpinan

Analisis TFM

Program Komuniti Perkasa memasuki **tahun ketiga** dengan matlamat untuk memastikan pelajar-pelajar dalam komuniti yang paling kritisik diperkasakan untuk menjadi pemimpin dalam pembelajaran mereka sendiri dan berpeluang untuk belajar di luar kelas.

Pada tahun 2023, kami **mendengar keperluan komuniti untuk sokongan pemuliharaan pendidikan** dan memasukkan komponen bimbingan tutor selama **10 minggu** ke dalam program tersebut. Kami telah melengkapkan dua fasa Program Tutor TFM di PPR HICOM dan PPR Lembah Subang serta satu fasa di komuniti PPR baru, PA Seri Selangor. Program ini memberi impak positif kepada 293 orang pelajar dengan bantuan Tutor Sukarelawan kami yang komited. Kami juga telah melakukan perbincangan kumpulan sasaran dengan ibu bapa dan ketua komuniti untuk lebih memahami keperluan komuniti itu.

Program Komuniti Perkasa telah direalisasikan dengan sokongan penuh dan teguh daripada Yayasan CIMB, akses kepada program pembelajaran atas talian KelasKita oleh Yayasan YTL, komitmen yang berterusan daripada sukarelawan kami, dan sokongan berterusan daripada ketua komuniti iaitu Puan Noraishah binti Osman dari PPR Lembah Subang, Pn. Norhayati binti Ismail dan sukarelawan PERWACOM dari PPR HICOM, serta En. Mohd Noor Zaimi bin Shamsuri dari PA Seri Selangor.



Puan Noraishah binti Osman, yang lebih mesra dikenali sebagai Kak Nor, merupakan seorang usahawan dan ketua komuniti di PPR Lembah Subang. Beliau memainkan peranan penting dalam menyatukan komuniti PPR Lembah Subang dan Teach For Malaysia untuk Program Komuniti Perkasa (PKP).

Selaras dengan visi hidupnya, Puan Noraishah berharap komunitinya terdedah kepada potensi pembangunan kepemimpinan. Beliau yakin pelajar adalah pewaris masa depan Malaysia, seperti pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Peranan beliau sebagai koordinator program telah menjadi sumber inspirasi. Beliau memastikan setiap pelajar di PPR Lembah Subang menghadiri setiap sesi dan mengawasi pelaksanaan program dengan lancar. Beliau juga memainkan peranan penting dalam membantu Teach For Malaysia membina hubungan dengan ibu bapa pelajar.

Puan Noraishah ingin melihat perubahan dalam pelajar di komunitinya. Melalui Program Komuniti Perkasa, beliau berharap dapat merealisasikan visinya untuk melihat lebih ramai belia menjadi pemimpin aktif dalam komuniti. Kebanyakan pelajar dalam program ini telah menunjukkan perubahan yang ketara dari segi menetapkan matlamat yang jelas serta mengasah kemahiran kepemimpinan, pengucapan awam dan kebolehan untuk membimbang rakan sebaya.

Puan Noraishah binti Osman

Ketua Komuniti,
PPR Lembah Subang
Petaling Jaya, Selangor



4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.

1. Mengarang

2. Cililan

3. Konsidere

4. Ciptakan

5. Mewujudkan

6. Menulis

7. Mengarang

8. Cililan

9. Konsidere

10. Ciptakan

11. Mewujudkan

12. Menulis

13. Mengarang

14. Cililan

15. Konsidere

16. Ciptakan

17. Mewujudkan

18. Menulis

19. Mengarang

20. Cililan

21. Konsidere

22. Ciptakan

23. Mewujudkan

24. Menulis

25. Mengarang

26. Cililan

27. Konsidere

28. Ciptakan

29. Mewujudkan

30. Menulis

31. Mengarang

32. Cililan

33. Konsidere

34. Ciptakan

35. Mewujudkan

36. Menulis

37. Mengarang

38. Cililan

39. Konsidere

40. Ciptakan

41. Mewujudkan

42. Menulis

43. Mengarang

44. Cililan

45. Konsidere

46. Ciptakan

47. Mewujudkan

48. Menulis

49. Mengarang

50. Cililan

51. Konsidere

52. Ciptakan

53. Mewujudkan

54. Menulis

55. Mengarang

56. Cililan

57. Konsidere

58. Ciptakan

59. Mewujudkan

60. Menulis

61. Mengarang

62. Cililan

63. Konsidere

64. Ciptakan

65. Mewujudkan

66. Menulis

67. Mengarang

68. Cililan

69. Konsidere

70. Ciptakan

71. Mewujudkan

72. Menulis

73. Mengarang

74. Cililan

75. Konsidere

76. Ciptakan

77. Mewujudkan

78. Menulis

79. Mengarang

80. Cililan

81. Konsidere

82. Ciptakan

83. Mewujudkan

84. Menulis

85. Mengarang

86. Cililan

87. Konsidere

88. Ciptakan

89. Mewujudkan

90. Menulis

91. Mengarang

92. Cililan

93. Konsidere

94. Ciptakan

95. Mewujudkan

96. Menulis

97. Mengarang

98. Cililan

99. Konsidere

100. Ciptakan

101. Mewujudkan

102. Menulis

103. Mengarang

104. Cililan

105. Konsidere

106. Ciptakan

107. Mewujudkan

108. Menulis

109. Mengarang

110. Cililan

111. Konsidere

112. Ciptakan

113. Mewujudkan

114. Menulis

115. Mengarang

116. Cililan

117. Konsidere

118. Ciptakan

119. Mewujudkan

120. Menulis

121. Mengarang

122. Cililan

123. Konsidere

124. Ciptakan

125. Mewujudkan

126. Menulis

127. Mengarang

128. Cililan

129. Konsidere

130. Ciptakan

131. Mewujudkan

132. Menulis

133. Mengarang

134. Cililan

135. Konsidere

136. Ciptakan

137. Mewujudkan

138. Menulis

139. Mengarang

140. Cililan

141. Konsidere

142. Ciptakan

143. Mewujudkan

144. Menulis

145. Mengarang

146. Cililan

147. Konsidere

148. Ciptakan

149. Mewujudkan

150. Menulis

151. Mengarang

152. Cililan

153. Konsidere

154. Ciptakan

155. Mewujudkan

156. Menulis

157. Mengarang

158. Cililan

159. Konsidere

160. Ciptakan

161. Mewujudkan

162. Menulis

163. Mengarang

164. Cililan

165. Konsidere

166. Ciptakan

167. Mewujudkan

168. Menulis

169. Mengarang

170. Cililan

171. Konsidere

172. Ciptakan

173. Mewujudkan

174. Menulis

175. Mengarang

176. Cililan

177. Konsidere

178. Ciptakan

179. Mewujudkan

180. Menulis

181. Mengarang

182. Cililan

183. Konsidere

184. Ciptakan

185. Mewujudkan

186. Menulis

187. Mengarang

188. Cililan

189. Konsidere

190. Ciptakan

191. Mewujudkan

192. Menulis

193. Mengarang

194. Cililan

195. Konsidere

196. Ciptakan

197. Mewujudkan

198. Menulis

199. Mengarang

200. Cililan

201. Konsidere

202. Ciptakan

203. Mewujudkan

204. Menulis

205. Mengarang

206. Cililan

207. Konsidere

208. Ciptakan

209. Mewujudkan

210. Menulis

211. Mengarang

212. Cililan

213. Konsidere

214. Ciptakan

215. Mewujudkan

216. Menulis

217. Mengarang

218. Cililan

219. Konsidere

220. Ciptakan

221. Mewujudkan

222. Menulis

223. Mengarang

224. Cililan

225. Konsidere

226. Ciptakan

227. Mewujudkan

228. Menulis

229. Mengarang

230. Cililan

231. Konsidere

232. Ciptakan

233. Mewujudkan

234. Menulis

235. Mengarang

236. Cililan

237. Konsidere

238. Ciptakan

239. Mewujudkan

240. Menulis

241. Mengarang

242. Cililan

243. Konsidere

244. Ciptakan

245. Mewujudkan

246. Menulis

247. Mengarang

248. Cililan

249. Konsidere

250. Ciptakan

251. Mewujudkan

252. Menulis

253. Mengarang

254. Cililan

255. Konsidere

256. Ciptakan

257. Mewujudkan

258. Menulis

259. Mengarang

260. Cililan

</

Agenda Kajian Kami

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah berusaha ke arah menghasilkan daptan berasaskan data untuk memacu usaha-usaha kami. Usaha ini telah menampilkan kami dengan pelbagai peluang kajian yang menarik. Pada tahun 2023, kami mengadakan Sesi Meja Bulat Pendidikan untuk berkongsi penemuan daripada penyelidikan Dr. Nicholas Lee tentang "Apa yang Membentuk Amalan Guru Malaysia di dalam Kelas". Daripada kajian ini, kami sedar dimensi pedagogi antara Felo TFM dan rakan pengajar mereka sangat berbeza manakala amalan di dalam kelas dibentuk oleh dasar dan amalan sedia ada.

Pada masa hadapan, kami berharap dapat mengadakan lebih banyak dialog dan penyelidikan yang lebih lanjut berkenaan soalan-soalan ini.

Impak

- Apakah impak program kami terhadap pencapaian akademik, kepimpinan pelajar, dan akses kepada peluang baharu?
- Bagaimana program kami mempengaruhi kemenjadian kehidupan pelajar dalam jangka panjang?

Peneraju Impak

- Bagaimana tindakan, kepercayaan, dan cara hidup peserta kami mempengaruhi pencapaian pelajar?
- Ciri-ciri apa yang peserta program-program latihan kami yang dianggap sebagai paling berkesan, bagus untuk perkembangan kepimpinan mereka sendiri dan pencapaian pelajar?
- Apakah peranan komuniti Alumni dalam meningkatkan kemajuan untuk merealisasikan misi kami?

Penambahbaikan Progam

- Bagaimanakah kami dapat mengesahkan dan memperbaharui alat pengukur pencapaian pelajar kami?
- Bagaimanakah kami dapat memahami pemacu kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh peserta program kami dengan lebih mendalam?

Oleh itu, harapan kami adalah untuk memanfaatkan kepakaran pihak luar dengan berkolaborasi bersama penyelidik, ahli akademik, badan pemikir, dan penggubal polisi dengan tujuan melanjutkan agenda penyelidikan kami dalam usaha mencapai visi dan segala hasil yang dihajatkan.

Utama

50

Sesi Meja Bulat Pendidikan TFM



Pada Mei 2023, **sesi meja bulat pendidikan** tentang Amalan Guru Malaysia di dalam Kelas telah mengumpulkan pelajar, guru (termasuk Alumni TFM), dan rakan kongsi kami untuk berbincang berkaitan amalan yang baik di dalam kelas. Melalui inisiatif seperti ini, **kami meletakkan pelajar sebagai pusat perbincangan dalam perihal melibatkan pendidikan mereka.**

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Yayasan CIMB kerana sudi menjadi tuan rumah dan Dr. Nicholas Lee kerana sudi menyampaikan hasil penyelidikannya untuk memperkaya pemahaman kami tentang faktor yang membentuk amalan di dalam kelas.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Ahli Lembaga Pemegang Amanah kami adalah pakar dalam bidang masing-masing, bersatu dalam semangat dan keyakinan yang tinggi terhadap misi Teach For Malaysia. Mereka bekerjasama dengan Pasukan Kepimpinan Kanan kami untuk membimbing proses membuat keputusan berkenaan isu-isu strategik dan memastikan organisasi kami tetap komited dengan misi dan nilai-nilai teras kami.



YAM TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ

Pengerusi & Pengasas Lembaga Pemegang Amanah

- Pengerusi, ASTRO & Taliworks Corporation Berhad
- Pengarah, Bangkok Bank Berhad
- Penasihat Kanan, TPG Capital
- Rakan Kongsi, Vynn Capital
- Pengerusi, Yayasan Munarrah & Cancer Research Malaysia
- Presiden, WWF Malaysia
- Penasihat, Amanah Warisan Negara
- Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia
- Pengerusi Lembaga Pengarah, Marlborough College Malaysia



SHAHNAZ AL-SADAT MOHSEIN

Pengasas Lembaga Pemegang Amanah,
Ahli Jawatankuasa Audit & Risiko

- Pengerusi, LeapEd Services
- Ahli Lembaga Pengarah, Kolej Yayasan UEM
- Mantan Pengasas Bersama, Arise Asia
- Mantan Eksekutif Penasihat, Yayasan AMIR
- Mantan Ahli Lembaga, MINDA
- Mantan Eksekutif Pengarah, Pengurusan Modal Manusia Strategik & Ketua Pegawai Kewangan, Khazanah Nasional



CHEN LI-KAI

Ahli Lembaga Pemegang Amanah,
Ahli Jawatankuasa Imbuhan
& Pencalonan

- Mantan Rakan Kongsi Kanan & Rakan Pengurusan, McKinsey & Company Malaysia
- Mantan Ketua Global Amalan Pendidikan, McKinsey & Company



DATUK YVONNE CHIA

Ahli Lembaga Pemegang Amanah,
Ahli Jawatankuasa Audit & Risiko

- Pegawai Bank Bertauliah
- Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Standard Chartered Bank Malaysia & Press Metal Aluminium Holdings Berhad
- Mantan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Cradle Fund Sdn Bhd
- Penasihat, Merdeka Trust Foundation
- Pengarah Bebas Kanan, Astro Malaysia Holdings Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Silverlake Axis Ltd



DATO' THARUMA RAJAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Jawatankuasa Imbuhan & Pencalonan

- Penasihat Kanan Pivotus Consulting
- Pengasas & CEO, Garage Analytics
- Mantan Pengarah Pengurusan Antarabangsa, Hay Group



YBHg. DATUK DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM

Ahli Lembaga Pemegang Amanah

- Mantan Pengarah, Kementerian Pendidikan
- Pengarah, Setiausaha SEAMEO (Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara)
- Ahli Lembaga, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Penasihat Kanan, Edvolution Enterprise

Mantan Ahli Lembaga Pemegang Amanah



TAN SRI DR. JEMILAH MAHMOOD

Mantan Pengerusi

- Pengasas, MERCY Malaysia
- Mantan Penasihat Khas berkenaan Kesihatan Awam kepada mantan Perdana Menteri Malaysia, Muhyiddin Yassin
- Naib Canselor, Universiti Heriot-Watt, Malaysia
- Profesor dan Pengarah Eksekutif, Pusat Kesihatan Planet Sunway
- Fellow Senior, Pusat Ketahanan Yayasan Adrienne-Arsh-Rockefeller



DATO' NOOR REZAN BAFOO HASHIM

Mantan Ahli Lembaga Pemegang Amanah

- Mantan Timbalan Pengarah, Kementerian Pendidikan
- Mantan Penasihat Pendidikan, Khazanah Nasional Berhad



Teach For Malaysia

Rakan Kerjasama dan Penyokong

Kerjasama antara sektor awam dan swasta meningkatkan impak kami

Kejayaan TFM sejak penubuhannya dapat dicapai dengan sokongan tegar daripada semua pihak yang percaya akan misi kami. Pihak berkepentingan utama kami terdiri daripada sektor awam, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensinya; serta sektor swasta, iaitu perusahaan kecil dan sederhana, syarikat korporat, yayasan, dan penderma individu.

Terima kasih kepada rakan kongsi, penyokong, penderma individu, dan pengumpul dana atas segala sokongan yang telah dihulurkan. Kepercayaan anda membantu kami kekal setia kepada misi dan nilai-nilai utama kami untuk mengakhiri ketidaksamaan dalam pendidikan dengan memberikan setiap kanak-kanak akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Rakan Strategik



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



Rakan Pendukung

Citi Foundation



Rakan Komuniti



Rakan Peneroka



Penyokong



Kami adalah rakan rangkaian pendidikan global

Teach For All
A Global Network

Utama

Minggu TFM

Dalam tempoh masa seminggu pada setiap tahun, kami menjemput para pemimpin industri yang berpengaruh dari sektor awam dan swasta ke dalam kelas untuk berkongsi pengalaman kepada pelajar. Para tetamu meluangkan masa separuh hari untuk mengajar bersama seorang Felo TFM di sebuah sekolah berkeperluan tinggi, dan berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pelajar. Berikut adalah lampiran gambar-gambar sesi pembelajaran yang dijalankan bersama dengan rakan strategik kami, Yayasan YTL, Yayasan Hasanah, dan Yayasan Hartalega.



Yayasan Hasanah

Para pelajar dari Serian, Sarawak mengikuti kelas Sejarah yang diajar oleh Dr. Nur Anuar Abdul Muthalib, Ketua Pegawai Pendidikan Yayasan Hasanah; Cikgu Clement, Guru Hos; dan Resnny binti Mariam, Felo TFM 2023.

Para pelajar menjalankan simulasi pilihan raya dalam pembelajaran tentang prinsip-prinsip demokrasi.

Yayasan YTL

Pn. Noormah Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Express Rail Link Sdn Bhd (ERL), sebuah anak syarikat YTL Corporation Berhad, mengajar mata pelajaran Matematik dengan Felo TFM 2022, Siti Nur Aisyah binti Mohamad Othman, di sebuah sekolah menengah di Gerik, Perak pada Minggu TFM.

Para pelajar mempelajari cara statistik digunakan dalam dunia perniagaan untuk menjelaki data komuter KLIA Ekspres.



Yayasan Hartalega

Semasa Minggu TFM di Gerik, Perak, para pelajar berpeluang menggunakan kemahiran Matematik dan keusahawanan mereka dengan memainkan pelbagai peranan dalam simulasi kedai runcit. Mohd Faez bin Ariff dan Kamarul Arifin bin Kamar daripada Yayasan Hartalega mengajar pembelajaran yang interaktif itu bersama Cikgu Aimana, Guru Hos, dan Tiaradeetha binti Ramjit, Felo TFM 2022.

Utama

Refleksi Minggu TFM dari Rakan Kongsi

56



En. Ramu Iyer, Timbalan Presiden, dan En. Vellu Mahadevan, Pengarah, Rakan Kongsi Perniagaan Serantau Micron Memory Malaysia, bersama-sama mengajar satu mata pelajaran dengan Felo TFM 2022, Mohamed Syakir bin Mohamed Hisham, dan Guru Hos, Cikgu Syarifatul Laili binti Jumain, di sebuah sekolah di Kuala Kangsar, Perak. Petikan ini diambil daripada refleksi En. Ramu mengenai pengalaman dan harapannya untuk pelajar-pelajar di Malaysia.

Melalui kerjasama Micron dengan Teach For Malaysia, saya berpeluang untuk mengajar bersama-sama Felo TFM, Cikgu Syakir, di SK Raja Muda Musa di Kuala Kangsar, yang memberikan pengalaman nostalgia kepada saya kerana Kuala Kangsar adalah tempat kelahiran mendiang bapa saya.

Saya berasa rendah diri apabila melihat para pemimpin sekolah dan guru mencurahkan jiwa dan raga mereka untuk membentuk generasi muda. Encik Vellu dan saya berkesempatan untuk menyaksikan pelajar-pelajar autistik dan berkeperluan khas dibimbing oleh guru yang cemerlang untuk menyerlahkan potensi mereka. Guru-guru yang berdedikasi ini juga sanggup untuk melawat rumah-rumah pelajar sekiranya ada yang tidak hadir demi menggalakkan ibu bapa agar memastikan anak mereka bersekolah.

En. Vellu dan saya turut serta dalam mengajar pelajaran Matematik kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di mana kami mengajar tentang cara memori disimpan dalam telefon pintar dan cara untuk memeriksa penggunaan dan memori GB yang belum digunakan. Ia membantu pelajar-pelajar memahami

bilangan kandungan yang masih boleh dimuat turun. Kami memberikan tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar tentang pecahan, perpuluhan, dan peratusan menggunakan contoh-contoh ini. Terima kasih kepada Cikgu Syakir kerana menyediakan kertas kerja yang sangat baik sebagai salah satu penilaian refleksi terakhir. Jelas sekali bahawa budaya hormat-menghormati, perpaduan, dan kemajuan telah diterapkan dalam kehidupan sehari-hari pelajar melalui bimbingan teguh guru-guru ini.

Bapa saya, seorang bekas pengetua sekolah, mempunyai sebuah moto yang tercatat pada buku-buku catatan dan logo sekolahnya yang sentiasa bermain di minda saya. Beliau selalu berpesan, “Bangun, Bangkit dan Jangan Berhenti Sebelum Matlamat Tercapai!” Kami menggesa semua untuk terus menyokong Teach For Malaysia dan bekerjasama dengan sekolah-sekolah seperti ini sebaik mungkin. Peribahasa *“it takes a village to raise a child”* terngiang-ningang di dalam kepala saya. Betul kata peribahasa itu! Bawalah perubahan positif untuk generasi muda kita. Kami adalah Micron! Kami adalah Pembangun Negara!

Utama

Sorotan Acara



Majlis Penganugerahan Duta Guru PDG bersama Rakan Strategik, Yayasan PETRONAS

Berikut menggambarkan suasana di Majlis Penganugerahan Duta Guru PDG di mana kami meraikan guru-guru cemerlang yang telah menamatkan program mereka sepanjang 2 tahun yang lalu. Duta Guru Kohort 3 telah diperkenalkan kepada Proses Reka Bentuk Kejuruteraan (EDP) dan STEM Bersepadu. Mereka juga telah memperkenalkan pelbagai projek inovasi dan kajian tindakan dalam usaha melengkapkan perjalanan mereka. Kami juga meraikan 6 orang guru yang telah menunjukkan impak yang luar biasa dalam Kohort dan komuniti mereka serta menjadi pendukung inisiatif STEM melalui pengagungan khas.

Gambar ini menunjukkan Yayasan PETRONAS, bersama YBrs. Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia - Sektor Dasar dan Kurikulum, mengiringi tetamu kehormat, YB Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek yang hadir untuk merasmikan dan memberikan anugerah istimewa kepada Duta Guru Kohort 3 PDG.

Hari Terbuka Program Komuniti Perkasa bersama Rakan Strategik, Yayasan CIMB

Para pelajar Program Komuniti Perkasa di PPR HICOM, PPR Lembah Subang, dan PA Seri Selangor berkumpul untuk meraikan pembelajaran dan pencapaian mereka. Mereka menerima sijil, berkongsi pengalaman pembelajaran, dan menyertai aktiviti yang menyeronokkan untuk berehat selepas Program Tutor TFM selama 10 minggu. Sukarelawan juga diraikan dan dihargai pada Hari Terbuka ini.


Rositah Mariam Sulaiman, Pengarah, Ketua Tanggungjawab Korporat, Kumpulan CIMB, dengan bangganya menyampaikan sijil kepada pelajar yang menamatkan pengajian mereka.



Laporan Kewangan


TFM ialah entiti bukan berdasarkan keuntungan dan dikecualikan cukai. Kami diaudit setiap tahun dan penyata kewangan boleh didapati di laman web kami. Semua dana yang diterima oleh TFM digunakan untuk meningkatkan impak terhadap penerima manfaat melalui operasi kami.

**Untuk memastikan sebahagian besar dana yang diberikan diagihkan dan digunakan secara eksklusif untuk misi kami, pasukan pengurusan memastikan perbelanjaan am dan pentadbiran kami tidak melebihi 30% daripada perbelanjaan tahun tersebut.



Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan:
RM 13.0 juta



Cara-cara untuk Menyumbang

Kesan pandemik COVID-19 telah menonjolkan lagi hakikat ketidaksamaan pendidikan bagi anak-anak di Malaysia. Pelajar yang asalnya tidak berasas baik akibat latar belakang dan keadaan mereka, kini menghadapi ancaman yang lebih tinggi untuk menjadi mangsa jurang pendidikan. Usaha kami kini meningkat dalam kepentingannya.

Dengan berganding bahu, kita mampu memperkasakan semua kanak-kanak di Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka. Sebagai sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan, Teach For Malaysia didokong oleh sokongan yang tidak ternilai daripada para penaja, rakan organisasi dan penderma dalam usaha mengejar visi kami. Semua pemberian geran dan derma kepada Teach For Malaysia adalah dikecualikan cukai (LHDN.01/35/42/51/179-6.7027).

Menyumbang melalui

www.teachformalaysia.org/donate

atau imbas di sini



Anda juga boleh menyumbang melalui secara atas talian atau cek:

Nama Penerima: TFM Foundation
Bank: CIMB Islamic Bank Berhad
Cawangan: KLCC Branch

Nombor Akaun: 86-0015211-3
Kod SWIFT: CTBBMYKL

Jika anda ingin menuntut resit pengecualian cukai, sila e-mel slip pembayaran anda beserta nama penuh, nombor kad pengenalan, dan alamat rumah anda ke donation.support@teachformalaysia.org. Resit pengecualian cukai akan dihantar melalui emel dalam masa 4-6 minggu selepas dana tersebut diproses.

*Mengikut syarat-syarat LHDN Subseksyen 44(6) ACP 1967

Anda boleh bantu mencungkil potensi pelajar. Dengan sokongan anda, kami dapat:

- Merekрут, Menempat, dan Melatih Peserta:** Sumbangan anda membolehkan kami merekrut dan melatih lebih banyak pendidik yang bersemangat, untuk memberikan impak positif kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi.
- Meluaskan Jangkauan Kami:** Dengan sokongan anda, kami dapat meluaskan jangkauan kami ke komuniti dan kawasan baru, membantu lebih banyak pelajar yang memerlukan akses kepada pendidikan berkualiti.
- Meningkatkan Ukuran Impak:** Sumbangan anda dapat meningkatkan keupayaan kami untuk mengukur dan memberi impak yang kami lakukan dengan berkesan, membantu kami menyempurnakan pendekatan kami dan mendorong perubahan yang lebih besar.
- Membina Hubungan yang Lebih Utuh:** Sokongan anda juga akan membantu kami membina hubungan yang lebih utuh dengan sekolah-sekolah dan komuniti yang bekerjasama dengan kami, menjalankan hubungan erat untuk menggalakkan kemajuan yang mampan kepada para pelajar.





#TogetherForMalaysia

teachformalaysia.org

Untuk peluang bekerjasama:

partnership.development@teachformalaysia.org

Tel +603 2026 0700

Fax +603 2026 0701

Tingkat 1, Ming Annexe,
9 Jalan Ampang, 50450
Kuala Lumpur, Malaysia

- <https://teachformalaysia.org/>
- @Teach For Malaysia
- @teachformsia
- @TeachForMsia
- @Teach For Malaysia
- @TeachForMalaysia
- @teachformsia

